

LAMPIRAN II

**PERAKUAN MEMATUHI SYARAT DAN PERATURAN PENTAULIAHAN**

**PERHATIAN**

1. Sila lengkapkan semua ruang dan kenyataan yang diperlukan dan kembalikan Salinan Asal kepada JPK dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Kelulusan. Sekiranya perakuan ini tidak diterima Jabatan dalam tempoh yang ditetapkan, Jabatan beranggapan pihak tuan bersetuju dengan syarat dan peraturan pentauliahan serta kelulusan yang diberikan.
  2. Perakuan ini hanya boleh ditandatangan oleh **Pengurus Pusat Bertauliahan**.
- i. Adalah saya bagi pihak Pusat Bertauliahan ini bersetuju mematuhi Seksyen 23, 24, 26 dan 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dan semua Syarat Dan Peraturan Pentauliahan seperti di Lampiran I serta apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dalam melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi program-program yang diluluskan.
  - ii. Saya faham bahawa sekiranya pusat ini gagal mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan, JPK berhak menggantung dan membatalkan sijil pentauliahan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 29 Akta 652.
  - iii. Senarai program yang telah diluluskan adalah seperti berikut :

Kod PB	K4X86 Nama PB					KOLEJ ABC TERAS
Nama Syarikat Pemilik	KABC SKILLS SARET SDN BHD			No. Pendaftaran Syarikat	666777-KL .	
Alamat Rasmi Pusat Bertauliahan	KAMPUS UTAMA , JLN ABC TERAS . KUALA AIR PETUJU 25/253 . UTAMA , KUALA LUMPUR .					
Bil.	Kod Program	Nama Program	Tahap	Tempoh Pentauliahan	No Ruj. Surat Kelulusan	
1.	ISSI - 002-3:2017.	OPERASI KAUNTER HADAPAN	3	27/2/2020 26/2/2020	JPK/T01/22/ Jd 63. (1)	

(sertakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)

Tandatangan

Nama

Jawatan

Tarikh

Cop Pusat



HASIMAH BT HASTHA BOOTE  
PETUGUANS PB  
XX JUCAI 2020

**LAMPIRAN I (Pindaan 1/2019)**

**SYARAT PELAKSANAAN LATIHAN MELALUI SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH  
(SLaPB) DALAM SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

Pusat bertauliah hendaklah :-

- (a) menjalankan latihan dan penilaian bagi program bertauliah hanya di premis yang ditauliahkan dan mengikut tempoh yang diluluskan;
- (b) mempunyai bahan pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi kehendak Standard dan format ditetapkan;
- (c) memastikan setiap pelatih menjalankan latihan dan penilaian bagi program bertauliah berdasarkan Standard dan apa-apa panduan yang berkuatkuasa;
- (d) memastikan pelatih mempunyai rekod bukti keterampilan yang sah, boleh percaya, mencukupi dan mencakupi keperluan Standard.
- (e) Mengelakkan kuantiti dan kebolehfungsian kelengkapan, peralatan dan bahan latihan (*Tool, Equipment & Materials - TEM*) yang dinyatakan dalam Standard atau syarat tambahan pentaulahan yang diluluskan;
- (f) Memastikan kuantiti kelengkapan, peralatan, bahan latihan (*Tool, Equipment & Materials - TEM*) yang dinyatakan dalam Standard atau syarat tambahan pentaulahan dan kemudahan latihan mencukupi mengikut bilangan pelatih.
- (g) mempunyai personel pentaulahan yang mematuhi kriteria yang ditetapkan atau diperakui perakuan pengiktirafan sebagai personel pentaulahan oleh JPK;
- (h) mewujudkan jawatankuasa bagi menyelaras, menasihat dan memantau pelaksanaan latihan dan penilaian program bertauliah iaitu Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB) dan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC – *Technical Advisory Committee*);
- (i) membuat pengambilan pelatih mengikut kapasiti yang diluluskan;
- (j) mengeluarkan surat tawaran kepada pelatih yang sekurang-kurangnya mengandungi tarikh surat, nama pelatih, alamat pelatih, nombor kad pengenalan pelatih, nama pusat bertauliah, kod pusat bertauliah dan program bertauliah yang ditawarkan, alamat premis latihan, tarikh mula latihan dan tempoh latihan;
- (k) mendaftarkan pelatih mengikut tempoh pendaftaran yang ditetapkan;
- (l) mendapat kelulusan Ketua Pengarah berkaitan apa-apa pindaan maklumat pentaulahan seperti (i) hingga (v) –
  - i. nama pusat bertauliah;
  - ii. syarikat pemilik;
  - iii. premis latihan;
  - iv. kapasiti pelatih; atau
  - v. personel pentaulahan;
- (m) memamerkan salinan asal Sijil Pentaulahan di papan kenyataan atau lain-lain tempat yang mudah dilihat oleh orang awam;
- (n) mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah apa-apa bentuk iklan sebelum disiarkan;
- (o) mengemukakan pembaharuan pentaulahan program tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat pentaulahan program bertauliah;
- (p) membuat permohonan lawatan verifikasi PPL satu (1) bulan sebelum tarikh penilaian akhir;
- (q) mengembalikan Sijil kepada JPK selepas enam (6) bulan, sekiranya Sijil tidak dituntut oleh pelatih; dan
- (r) bertanggungjawab menyelesaikan semua urusan latihan, penilaian dan persijilan pelatih yang telah berdaftar di bawah JPK sekiranya pusat bertauliah gagal membuat pembaharuan pentaulahan, tidak diluluskan pembaharuan pentaulahan atau ingin menamatkan pentaulahan di bawah subseksyen 26(3).